



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MINGGU SAINS NEGARA 2025 ZON TIMUR: SEMARAK MINAT STI DALAM KALANGAN GENERASI MUDA MASA DEPAN

KUALA TERENGGANU 24 Jun 2025 – Lebih 5,000 peserta terdiri daripada pelajar, guru, pensyarah, penyelidik dan pemain industri dari seluruh Pantai Timur hadir memeriahkan Minggu Sains Negara (MSN) 2025 Zon Timur yang berlangsung di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu. Program ini merupakan satu inisiatif strategik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menyemarakkan minat dan penglibatan rakyat Malaysia dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Dalam ucapan perasmian oleh YAB Dato' Haji Ir. Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, beliau menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa menyambut baik inisiatif Program Minggu Sains Negara oleh MOSTI sebagai satu usaha penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI. Kerajaan Negeri menekankan komitmen untuk terus menyokong inisiatif ini dengan melibatkan penyertaan agensi-agensi negeri dan sektor swasta dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti berlandaskan STI secara besar-besaran khususnya di negeri Terengganu.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang pula berkata, penganjuran Minggu Sains Negara bukan sekadar satu program tahunan — ia adalah platform penting untuk menyemai minat, membina kesedaran dan memperkukuh ekosistem bakat dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Dalam menghadapi gelombang teknologi baharu seperti AI, pendigitalan dan ekonomi hijau, Malaysia tidak boleh hanya menjadi pengguna. Kita mesti melahirkan pencipta dan peneraju. MOSTI komited untuk memastikan bakat tempatan dibina secara inklusif

dan berterusan agar negara bukan sahaja bersedia, malah mampu menerajui transformasi teknologi dan ekonomi masa depan.

Justeru, melihat kepada sambutan penyertaan pada tahun lalu, MOSTI menyasarkan lebih **300 ribu penyertaan** keseluruhan dapat dicapai pada tahun ini. Penganjuran Minggu Sains Negara 2025 turut menawarkan lebih **50 aktiviti dan pengisian** menarik yang berteraskan STI untuk para pengunjung dan peserta di luar sana.

Lokasi penganjuran Karnival Minggu Sains Negara 2025 telah bermula di **Sarawak** pada bulan April, diikuti **Terengganu, Sabah, Johor, Kedah** dan berakhir di **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** pada bulan November. Setiap lokasi akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti yang menarik termasuklah : -

- a. Pameran interaktif STEM
- b. Persembahan sains yang mengujakan
- c. Kuiz Sains
- d. Bengkel untuk Pendidik
- e. Pameran kerjaya berasaskan teknologi masa depan.

Kementerian yakin bahawa penganjuran Minggu Sains Negara 2025 Zon Timur bukan sahaja dapat memperluaskan akses ilmu pengetahuan kepada masyarakat tetapi turut merangsang minat generasi muda untuk terus meneroka Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) untuk diaplikasi dalam kehidupan.

#TAMAT#

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

24 Jun 2025

Media kit link:

<https://drive.google.com/drive/folders/19GQlg-HCpBKo3aMMosm1corB79cHB5hX?usp=sharing>

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Rosnani Rahman
Ketua Penolong Pengarah
Unit Pendidikan (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(012-336 0739)

Hafizah Kher
Penolong Pengarah Kanan
Unit Komunikasi Korporat (Seksyen Operasi)
Pusat Sains Negara
(017-215 6862)

Tentang Pusat Sains Negara (PSN):

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut www.psn.gov.my



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KARNIVAL



24 - 26 JUN 2025

9:00 PAGI - 5:00 PETANG

PUSAT SAINS & KREATIVITI
TERENGGANU

MASUK PERCUMA

Penganjur Bersama:



Penaja Utama: Ahli Kepada:



f i x t @officialmosti @mosti www.mosti.gov.my

JADUAL PENGISIAN KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA ZON TIMUR 2025
PUSAT SAINS DAN KREATIVITI TERENGGANU
KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
24 JUN HINGGA 26 JUN 2025

LOKASI	24 JUN 2025 (SELASA)	25 JUN 2025 (RABU)	26 JUN 2025 (KHAMIS)
Tempat Letak Kenderaan	Kendera Saji (Gastronomi) Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang		Kendera saji (Gastronomi) Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
Lobi PSKT	Bomba Si Penyelamat ! Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang		Bomba Si Penyelamat ! Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
Aras G	Pintu Masuk PSKT		
	Hub Inspirasi STEM Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang		Hub Inspirasi STEM Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
	Dewan Auditorium, Aras G		
	Majlis Perasmian MSN Zon Timur 2025 Masa: 9.00 - 11.00 pagi	Pertandingan Bicara Berirama	
	Science Stage, Aras G		
	Cakap - Cakap Sains: Space Dollah Masa : 10.00 pagi & 2.00 petang		Cakap - Cakap Sains Lokasi: Science Stage, Aras G Slot 1: 9:00 - 10.00 pagi (DOF) Slot 2: 10.15 -11.15 pagi (UMT)
	Cabaran Meriam Udara Masa: 12:15 tengah hari - 1.00 petang		
	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.00 pagi (PSN) Sesi petang: 3.00 petang (Petrosains)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.00 pagi (PSN) Sesi petang: 3.00 petang (Petrosains)	Persembahan Sains Sesi pagi: 11.00pagi (PSKT) Sesi petang: 2.00 petang (PSKT)
	Trivia Sains Sesi pagi: 11:45 pagi Sesi petang: 3.45 petang		Trivia Sains Sesi pagi: 11:45 pagi Sesi petang: 2.30 petang
	Pentas Ruang Serbaguna, Aras G		

	Foto Ceria MSN Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	
	Ruang Serbaguna, Aras G	
	Meet & Greet bersama Mimo, Arif & Spectra Masa: 9:30 pagi & 2:30 petang	
	Teroka, Jejak & Menang Lokasi : Reruai PSN Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Teroka, Jejak & Menang Lokasi : Reruai PSN Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
	Sains Situ Sana Sini Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari	
	Pameran Robotik Masa: 12.00 tengahari - 5.00 petang	Pameran Robotik Masa: 12.00 tengahari - 3.00 petang
	Kajian Impak Lokasi : Reruai PSN Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Kajian Impak Lokasi : Reruai PSN Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
	Reruai rakan penganjur bersama dan Pempamer Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Reruai rakan penganjur bersama dan reruai pempamer Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
Aras 1	Galeri STEMEC, Aras 1	
	Bolt Pintar Lokasi: Galeri STEMEC Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Bolt Pintar Lokasi: Galeri STEMEC Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
	Ai4Belia Lokasi: Galeri STEMEC Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Ai4Belia Lokasi: Galeri STEMEC Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
	Galeri Funnovation, Aras 1	
	Tuas Lencana Butang Lokasi: Galeri Funnovation Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Tuas Lencana Butang Lokasi: Galeri Funnovation Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang
Aras 2	Perpustakaan, Aras 2	
	Build-a-Kit Lokasi: Perpustakaan, Aras 2 Masa: 9:00 pagi - 5:00 petang	Build-a-Kit Lokasi: Perpustakaan, Aras 2 Masa: 9:00 pagi - 3:00 petang

PENGISIAN AKTIVITI
KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA ZON TIMUR 2025

- **Science on Wheels** - Bas pameran bergerak baharu Pusat Sains Negara yang dibangunkan merangkumi bahan pameran interaktif beserta infografik.
- **Teroka, Jejak & Menang**- Aktiviti jejak sains dalam menyelesaikan cabaran yang ditetapkan secara santai di stesen dan tuntutan hadiah.
- **Mimo Ceria Fit** - Senaman pagi bersama Maskot Rasmi PSN Mimo
- **Ruang RekaLiat** - Ruang aktiviti Tinker untuk menghasilkan *Keychain* berasaskan tanah liat.
- **Sains Situ Sana Sini**- Aktiviti *science busking* di sekitar dewan
- **Cabaran Meriam Udara**-Menguji daya fokus pengunjung untuk menjatuhkan kesemua cawan atau target menggunakan meriam udara (Air cannon) yang dibekalkan
- **Cabaran Stacking Cup**-Menguji ketangkasan dan kecekapan pengunjung untuk menyusun cawan dalam masa yang paling singkat.
- **Trivia Sains**-Menawarkan hadiah menarik kepada pengunjung yang berjaya menjawab soalan kuiz bertemakan STEM dan matematik dengan tepat dan pantas
- **Persembahan Sains**- Saksikan persembahan sains ala magis yang menakjubkan seperti Burning Fire, Elephant Toothpaste, Magic Cup, Nitrogen Mushroom, Whoosh Bottle, Metal Burning, Hydrogen Balloon
- **Cabaran STEM**- Uji minda anda dengan aktiviti interaktif seperti H Puzzle, Portal Glass, Levitate, Paper Plane Launcher dan lain-lain.